20 November 2025

Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC
Terma dan syarat ini mengawal penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC oleh Pelanggan.

1A. Definisi

“Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia” bermaksud aplikasi Telefon Mudah Alih berserta perkhidmatan, kandungan, ciri-ciri dan fungsi yang disediakan oleh OCBC untuk kegunaan Pelanggannya dari semasa ke semasa.

“Arahan” bermaksud sebarang arahan, komunikasi, perintah, atau arahan khusus kepada OCBC, dalam bentuk elektronik atau apa-apa bentuk lain yang diluluskan oleh OCBC, yang berkaitan dengan akaun tertentu Pelanggan dan/atau berhubung dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang tersedia melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, di mana Arahan tersebut dimulakan dan dikeluarkan melalui penggunaan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk dan Kod Sekuriti Pelanggan yang dihantar ke Token Sekuriti atau Telefon Mudah Alih Pelanggan atau diperoleh melalui OCBC OneToken, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh Pelanggan. Untuk tujuan mentafsir klausa dalam Terma dan Syarat ini yang merujuk kepada liabiliti dan/atau tanggungjawab OCBC dan/atau Pelanggan, Arahan juga akan dianggap sebagai transaksi dan/atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Arahan tersebut.

“ATM” bermaksud Mesin Juruwang Automatik.

“Hari Perniagaan” bermaksud hari (selain Sabtu, Ahad dan cuti umum) di mana OCBC dibuka untuk urusan perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.

“ID Pengguna Perbankan Dalam Talian OCBC” atau “ID Log Masuk” bermaksud nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dipilih oleh Pelanggan, yang mesti dimasukkan oleh Pelanggan supaya sistem Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dapat mengaitkan ID Log Masuk tersebut dengan profil dan akaun Pelanggan, yang diperuntukkan kepada dan digunakan oleh Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

“Individu Berkaitan” bermaksud mana-mana bank, pengendali sistem pembayaran, penyedia perkhidmatan, penyedia perkhidmatan internet, pihak berkuasa sijil digital, pihak berkuasa pensijilan, institusi elektronik, komputer, telekomunikasi, kewangan atau kad yang terlibat dari semasa ke semasa dalam Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, serta sesiapa yang menggunakan (sama ada dibenarkan atau tidak) Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

“Internet” bermaksud rangkaian global komputer, telekomunikasi dan perisian yang wujud merata dan memudahkan komunikasi, sama ada secara elektronik atau sebaliknya, antara individu dan/atau mesin.

"Kad" bermaksud sebarang instrumen pembayaran yang ditawarkan oleh OCBC kepada Pelanggan, ini termasuk:

Kad ATM yang boleh digunakan untuk pengeluaran wang tunai atau transaksi lain di mana-mana ATM atau Terminal, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan;

Kad Debit yang boleh digunakan sebagai Kad ATM atau untuk membayar barangan dan perkhidmatan di mana-mana peniaga yang mengambil bahagian dengan mendebitkan wang terus daripada akaun Pelanggan, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan;

Kad Kredit yang didatangkan dengan kemudahan kredit tidak bercagar dan boleh digunakan untuk membayar barangan dan perkhidmatan di mana-mana peniaga yang mengambil bahagian, dengan

syarat semua amaun perbelanjaan dijelaskan sepenuhnya menjelang tarikh yang ditetapkan, jika tidak caj kewangan akan dikenakan; atau Kad Kredit boleh digunakan untuk mendapatkan pendahuluan tunai dengan kadar faedah, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan;

atau sebarang kad kombo dengan ciri-ciri gabungan, kad akses, dan sebarang token kredit sama ada dalam bentuk kad plastik atau kad eprom atau cip-dalam-kad atau kad memori optik atau apa-apa jenis kad atau token lain.

“Kata Laluan Log Masuk” atau “Kata Laluan Perbankan Dalam Talian OCBC” bermaksud rentetan aksara unik yang dipilih oleh Pelanggan, yang mesti dimasukkan oleh Pelanggan supaya sistem Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dapat mengesahkan ID Log Masuk Pelanggan dan memberikan akses kepada Pelanggan terhadap Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

“Kod Perbankan Telefon” bermaksud kod yang diperuntukkan kepada dan digunakan oleh Pelanggan untuk mengakses perkhidmatan perbankan telefon OCBC.

“Kod Sekuriti” bermaksud kod digital sekali guna (seperti Kata Laluan Sekali Guna (“OTP”) dan “Kod Cabaran” (Challenge Code) yang dijana oleh Sistem Komputer OCBC dan dihantar ke Token Sekuriti atau peranti melalui Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia yang dipasang di dalamnya atau Telefon Mudah Alih melalui SMS, atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh OCBC mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa.

“Kumpulan OCBC” bermaksud OCBC dan subsidiari serta syarikat bersekutunya.

“Laman Web OCBC” dan “Laman Web Mudah Alih OCBC” merujuk kepada laman web OCBC di mana Pelanggan boleh mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

“OCBC” bermaksud OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan akan termasuk pengganti serta penerima serah hak masing-masing.

“OCBC OneToken” bermaksud token digital yang disediakan dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia.

“Pelanggan” bermaksud seorang pelanggan OCBC yang telah membuka dan mengekalkan satu atau lebih akaun dengan OCBC, termasuk pelanggan yang telah diterima oleh OCBC untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

“Penyedia Perkhidmatan Internet” bermaksud mana-mana penyedia akses Internet (ISP) dan/atau mana-mana pihak yang menyediakan akses Internet kepada Pelanggan.

“Peranti Akses” bermaksud sebarang peranti elektronik berkomputer yang membolehkan Pelanggan mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer peribadi, buku nota, komputer riba, pembantu digital peribadi (PDA) atau Telefon Mudah Alih yang mempunyai keupayaan GPRS, 3G atau EDGE.

“Perkhidmatan” bermaksud dan merangkumi transaksi serta perkhidmatan yang disenaraikan dalam Klausa 6.1 Terma dan Syarat ini serta apa-apa transaksi dan perkhidmatan tambahan lain yang dari semasa ke semasa boleh disediakan oleh OCBC kepada Pelanggan melalui laman web OCBC dan/atau laman web mudah alih OCBC, dan termasuk sebarang operasi berkaitan dengan transaksi serta perkhidmatan tersebut.

“Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC” bermaksud perkhidmatan yang memudahkan akses elektronik Pelanggan kepada “Perkhidmatan” yang ditakrifkan di bawah melalui Peranti Akses menerusi (a) Internet atau mana-mana rangkaian kawasan luas, intranet atau pautan elektronik lain dan (b) aplikasi Telefon Mudah Alih

yang dikenali sebagai “Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia” (OCBC Malaysia Mobile Banking Application).

“Pihak Ketiga” bermaksud mana-mana individu atau pihak selain daripada OCBC, yang ditetapkan oleh OCBC untuk menyediakan dan/atau memproses pelaksanaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

“PIN” bermaksud nombor pengenalan peribadi Pelanggan untuk digunakan bersama Kad atau Perkhidmatan yang berkenaan.

“Sistem Komputer” dan “sistem” bermaksud mana-mana perkakasan komputer atau perisian komputer atau sebarang peralatan yang dikendalikan atau proses yang dijalankan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya secara elektronik, dan termasuk sistem teknologi maklumat, sistem telekomunikasi, sistem automasi dan operasi.

“Telefon Mudah Alih” bermaksud telefon bimbit yang digunakan oleh Pelanggan dengan nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan OCBC.

“Terminal” bermaksud mana-mana mesin elektronik dan/atau kaunter yang membenarkan akses, pemprosesan dan pelaksanaan transaksi untuk akaun Pelanggan yang diselenggara dengan OCBC melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

“Token Sekuriti” merujuk kepada kedua-dua peranti perkakasan yang ditetapkan oleh OCBC untuk menerima Kod Sekuriti dan aplikasi perisian yang ditetapkan oleh OCBC untuk menjana Kod Sekuriti, yang hendaklah sentiasa disimpan dengan selamat oleh Pelanggan.

“Transaksi” bermaksud dan termasuk transaksi yang disenaraikan dalam Klausa 6.1 Terma dan Syarat ini serta apa-apa transaksi tambahan lain yang disediakan oleh OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa, dan termasuk sebarang operasi berkaitan dengan transaksi tersebut.

1B. Tafsiran

1B.1 Perkataan dalam bentuk tunggal merangkumi juga bentuk jamak, dan sebaliknya. Rujukan kepada sesuatu jantina merangkumi juga jantina lain.

1B.2 Perkataan yang membawa maksud seseorang individu turut membawa maksud firma atau perbadanan.

1. Permohonan untuk Melanggan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC

1.1 OCBC, mengikut budi bicara mutlaknya, boleh menyediakan kepada Pelanggan akses untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC berhubung dengan akaun-akaun OCBC Pelanggan.

1.2 Pelanggan boleh membuat permohonan kepada OCBC untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC. Walau bagaimanapun, OCBC berhak untuk menerima atau menolak permohonan tersebut.

2. Terma dan Syarat Akaun

2.1 Selain daripada Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan OCBC serta Syarat Akses ke laman web OCBC juga akan terpakai dan mengikat Pelanggan, namun sekiranya terdapat percanggahan antara ketiga-tiga set terma dan syarat tersebut, Terma dan Syarat ini akan mengatasi dan akan terpakai.

3. Penerimaan Terma dan Syarat

3.1 Pelanggan bersetuju bahawa pendaftaran Pelanggan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC merupakan persetujuan Pelanggan terhadap dan penerimaan Pelanggan ke atas Terma dan Syarat ini, serta pengakuan dan penerimaan Pelanggan terhadap risiko-risiko yang wujud dalam menjalankan sebarang transaksi melalui Internet.

4. Peralatan, Perisian dan Akses Rangkaian

4.1 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk mendapatkan serta menggunakan pelayar web dan/atau perisian dan/atau perkakasan dan/atau peralatan yang diperlukan bagi tujuan mengakses Internet dan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, atas risiko dan kos sendiri. Sekiranya terdapat versi baharu atau berbeza bagi pelayar web dan/atau perisian dan/atau perkakasan dan/atau peralatan yang diperlukan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, OCBC berhak untuk tidak menyokong mana-mana versi terdahulu. Jika Pelanggan gagal melaksanakan atau mengambil tindakan seperti yang mungkin diperlukan oleh OCBC dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
(a) menaik taraf perisian dan/atau pelayar web yang berkaitan; atau
(b) menggunakan versi yang dipertingkatkan bagi perisian dan/atau pelayar web atau perkakasan atau peralatan atau Peranti Akses; atau
(c) mengalih keluar atau menyahpasang atau menyahaktifkan mana-mana perisian atau aplikasi dalam Peranti Akses yang boleh mengganggu penggunaan dan fungsi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC serta Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia; maka OCBC berhak untuk menolak transaksi Pelanggan, atau memproses transaksi Pelanggan secara tidak tepat, atau Pelanggan mungkin tidak dapat mengakses semua ciri dan/atau perkhidmatan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC. OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang akibat yang timbul daripadanya.

4.2 Pelanggan dikehendaki mengekalkan perkakasan dan perisian yang memenuhi spesifikasi minimum seperti yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa. Spesifikasi minimum tersebut akan dipaparkan melalui laman web OCBC, mesin ATM, terminal elektronik lain atau notis di pejabat atau cawangan OCBC atau iklan dalam akhbar utama di Malaysia, atau melalui apa-apa kaedah lain yang dianggap sesuai oleh OCBC, dan pemberitahuan sedemikian akan disifatkan sebagai notis yang mencukupi kepada Pelanggan. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Peranti Akses serta perisian dan aplikasi yang dipasang di dalam Peranti Akses boleh diprofilkan bagi tujuan mengesan sama ada spesifikasi minimum dipenuhi. Proses pemprofilan ini termasuk pengesanan perisian atau aplikasi yang berisiko dan yang boleh mengganggu atau menjejaskan penggunaan serta fungsi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia. Walau apa pun peruntukan yang bercanggah, OCBC tidak memberikan sebarang jaminan dan dengan jelas menafikan bahawa proses pemprofilan Peranti Akses serta perisian dan aplikasi akan berkesan untuk mengesan risiko atau kelemahan sekuriti atau untuk mencegah sebarang pelanggaran sekuriti.

4.3 Pelanggan hanya boleh menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC melalui Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan akses menerusi Penyedia Perkhidmatan Internet yang berkenaan tersebut adalah tertakluk serta dikawal oleh undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia serta terma dan syarat, jika ada, yang dipersetujui antara Pelanggan dengan ISP berkenaan.

4.4 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab terhadap penggunaan yang selamat dan terjamin bagi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia berdasarkan maklumat terkini, dan hendaklah mematuhi nasihat sekuriti yang dipaparkan di laman web OCBC, serta apa-apa langkah sekuriti lain yang dari semasa ke semasa dimaklumkan oleh OCBC melalui saluran lain seperti SMS atau e-mel, tentang amaran risiko dan sekuriti, atau langkah pencegahan, berhubung dengan penggunaan pelayar web, perisian, perkakasan atau peralatan untuk mengakses Internet yang boleh mengganggu atau menjejaskan penggunaan atau akses Pelanggan kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

4.5 Semua yuran dan caj yang berkaitan dengan akses Internet melalui ISP, serta apa-apa yuran, caj, perbelanjaan dan kos yang ditanggung oleh Pelanggan dalam menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan dan OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos tersebut, tanpa mengambil kira sebarang tindakan yang diambil oleh OCBC, termasuklah penamatan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

5. Mendapatkan Akses kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC

5.1 Pelanggan boleh memohon untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC melalui laman web OCBC (atau melalui mana-mana saluran permohonan lain yang dari semasa ke semasa disediakan oleh OCBC) di mana Pelanggan dikehendaki menjalani proses pendaftaran dengan memasukkan mana-mana maklumat berikut yang berkaitan dengan produk keluaran OCBC:
(a) Nombor Kad ATM
(b) Nombor Kad Kredit
(c) Nombor Kad Debit
(d) Mana-mana nombor pengenalan log masuk lain yang diberikan oleh OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.

5.2 Setelah pendaftaran berjaya dan disahkan oleh OCBC, dan selepas Pelanggan mengakui telah membaca dan menerima Terma dan Syarat ini, Pelanggan dikehendaki mengikuti panduan di skrin untuk mencipta:
(a) ID Log Masuk Perbankan Dalam Talian OCBC (ID Log Masuk);
(b) Kata Laluan Log Masuk Perbankan Dalam Talian OCBC (Login Password); dan
(c) Frasa sekuriti dan imej sekuriti Perbankan Dalam Talian OCBC.

5.3 Selepas OCBC mengesahkan di skrin ID Log Masuk dan Kata Laluan Pelanggan, Pelanggan yang pertama kali log masuk dikehendaki memuat turun Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia dan mengaktifkan OCBC OneToken untuk menerima Kod Sekuriti.

5.4 Akses Pelanggan kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC akan diaktifkan setelah memasukkan ID Log Masuk dan Kata Laluan dengan betul. Adalah menjadi tanggungjawab mutlak Pelanggan:

(a) untuk memuat turun Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia yang sahih daripada stor aplikasi / pasaran aplikasi yang diiktiraf oleh OCBC, iaitu pada masa ini Apple App Store, Google Play Store atau Huawei AppGallery, dan mengaktifkan OCBC OneToken;

(b) untuk mendaftarkan nombor Telefon Mudah Alih yang betul dengan OCBC dan segera memaklumkan OCBC dengan memaklumkan Pusat Khidmat Pelanggan OCBC mengenai sebarang perubahan nombor Telefon Mudah Alih, dan juga semua keadaan di mana Telefon Mudah Alih hilang, dicuri, dilumpuhkan, tidak berfungsi, terdedah kepada risiko, diganggu, atau dipercayai sedemikian;

(c) untuk melindungi Peranti Akses daripada akses atau penggunaan tanpa kebenaran dan segera memaklumkan OCBC dengan memaklumkan Pusat Khidmat Pelanggan OCBC mengenai sebarang perubahan kepada Peranti Akses, serta semua keadaan di mana Peranti Akses hilang, dicuri, dilumpuhkan, tidak berfungsi, terdedah kepada risiko, diganggu, atau dipercayai sedemikian, termasuk semua keadaan di mana Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC Malaysia dinyahaktifkan, dipadamkan atau dilumpuhkan pada Peranti Akses tanpa kebenaran Pelanggan.

5.5 Pendaftaran untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC hendaklah dibuat mengikut cara yang dari semasa ke semasa ditetapkan oleh OCBC.

5.6 Selepas itu, untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, Pelanggan dikehendaki memasukkan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, frasa sekuriti dan imej sekuriti setiap kali log masuk. Bagi tujuan sekuriti, OCBC, mengikut budi bicara mutlaknya, boleh menghendaki Pelanggan memasukkan Kod Sekuriti untuk melaksanakan transaksi tertentu. Pelanggan hanya boleh menjalankan transaksi dan/atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan di bawah Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, atau apa-apa transaksi serta perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh OCBC dari semasa ke semasa, sekiranya ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk dan Kod Sekuriti tersebut adalah sah dan masih berkuat kuasa. OCBC berhak, pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk dan Kod Sekuriti dengan memberi notis. OCBC berhak untuk menyampaikan notis tersebut kepada Pelanggan melalui SMS ke nombor Telefon Mudah Alih Pelanggan yang didaftarkan dengan OCBC, dan/atau melalui e-mel ke alamat e-mel Pelanggan yang didaftarkan dengan OCBC, dan/atau melalui apa-apa cara lain yang ditentukan oleh OCBC. Selepas notis tersebut disampaikan oleh OCBC kepada Pelanggan, Pelanggan hendaklah dengan segera mengambil semua langkah yang perlu untuk membuat pengaturan alternatif bagi melaksanakan transaksi yang ingin dijalankan (jika ada). Jika notis tersebut menghendaki Pelanggan menghubungi OCBC, maka Pelanggan bersetuju untuk berbuat demikian dengan segera setelah menerima notis tersebut. OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan yang berpunca daripada atau berkaitan dengan pembatalan tersebut yang dibuat atas sebab sekuriti.

5.7 Apabila pendaftaran bagi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dibuat dan diterima oleh OCBC, semua akaun OCBC milik Pelanggan akan dipautkan secara automatik kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, tanpa memerlukan Pelanggan menyatakan akaun-akaun tersebut secara berasingan.

5.8 Pemegang akaun bersama boleh memohon untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dengan syarat berikut:

(a) Akaun bersama beroperasi secara tunggal – iaitu mana-mana seorang daripada pemegang akaun bersama boleh secara sendiri mengeluarkan atau memindahkan wang daripada akaun bersama, dalam keadaan ini,

setelah permohonan diterima oleh OCBC, setiap pemegang akaun bersama boleh menggunakan Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Klausa 6.1 di bawah;

(b) jika akaun bersama hanya boleh beroperasi secara bersama – iaitu dua (2) atau lebih pemegang akaun bersama perlu memberi persetujuan sebelum sebarang pengeluaran atau pemindahan wang boleh dilakukan, dalam keadaan ini, setelah permohonan diterima oleh OCBC untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, pemegang akaun bersama hanya boleh mengakses dan melihat maklumat akaun bersama melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, tetapi tidak dibenarkan melaksanakan transaksi di bawah Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Klausa 6.1(a) hingga (c) di bawah;

(c) dalam semua keadaan, setiap pemegang akaun bersama hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan terhadap OCBC bagi sebarang transaksi dan perkhidmatan yang dilaksanakan, diproses atau dijalankan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC berdasarkan Arahan daripada mana-mana seorang pemegang akaun bersama.

5.9 Bagi akaun yang mempunyai dua (2) atau lebih pemegang akaun, OCBC berhak untuk membenarkan penciptaan ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk berasingan, serta boleh menghendaki pemegang akaun bersama membuat permohonan Token Sekuriti berasingan atau pendaftaran nombor Telefon Mudah Alih berasingan untuk penghantaran Kod Sekuriti bagi setiap pemegang akaun bersama yang melanggan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC tertakluk sentiasa kepada sekatan yang ditetapkan dalam Klausa 7.5 dan apa-apa sekatan lain yang mungkin dikenakan oleh OCBC dari semasa ke semasa.

6. Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC

6.1 Setelah Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC diaktifkan, Pelanggan akan dapat mengakses maklumat akaunnya di OCBC dan menghantar Arahan kepada OCBC untuk:
(a) membuat pembayaran kepada mana-mana organisasi pengebilan yang disediakan oleh OCBC dari semasa ke semasa;
(b) memindahkan dana; dan
(c) memohon produk dan perkhidmatan tertentu OCBC yang disediakan dari semasa ke semasa (kesemuanya dirujuk sebagai “Perkhidmatan” sebagaimana ditakrifkan dalam Klausa 1A di atas) apabila Perkhidmatan tersebut disediakan kepada Pelanggan. Perkhidmatan yang ditawarkan melalui laman web internet OCBC dan laman web mudah alih OCBC mungkin berbeza.

6.2 Semua Perkhidmatan (sama ada yang ditawarkan pada masa ini atau pada bila-bila masa, dari semasa ke semasa) adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini serta:

(a) terma dan syarat lain yang dikenakan oleh OCBC, termasuk Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan serta terma dan syarat khusus bagi setiap Transaksi dan Perkhidmatan; dan

(b) terma dan syarat pihak ketiga bagi Transaksi atau Perkhidmatan yang melibatkan pihak ketiga, seperti pembayaran bil dan pemindahan dana yang turut diproses melalui sistem pembayaran yang dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga.

6.3 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Klausa 6.1, OCBC boleh, atas budi bicara mutlaknya, pada bila-bila masa memberikan notis terdahulu, untuk menambah, menghapuskan, menarik balik, menamatkan, menggantung, menggantikan, memperkembangkan, mengehadkan atau mengubah jenis dan ciri-ciri mana-mana Perkhidmatan dan Transaksi. OCBC tidak akan menerima liabiliti atau bertanggungjawab atas sebarang

kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau disebabkan kepada Pelanggan, atau yang timbul daripada atau berkaitan dengan penambahan, penghapusan, tarikan balik, penamatan, penggantungan, penggantian, perkembangan, had atau pengubahan tersebut.

6.4 Tertakluk sentiasa kepada hak tolakan OCBC sebagaimana diperuntukkan di sini, OCBC tidak berkewajipan untuk melaksanakan atau memproses mana-mana Arahan yang dihantar oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan tidak mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun Pelanggan yang dinyatakan oleh Pelanggan semasa Arahan dihantar.

Pelanggan hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun Pelanggan dengan OCBC yang dinyatakan sebelum menghantar Arahan. Hak tolakan OCBC yang dinyatakan boleh dilaksanakan oleh OCBC pada bila-bila masa, dan mana-mana Arahan yang diberikan oleh Pelanggan boleh dilaksanakan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dalam susunan yang ditentukan oleh OCBC.

6.5 Sebagaimana diperuntukkan dalam Klausa 5.8 di atas, pemindahan dana, pembayaran bil atau pembayaran lain tidak boleh dilakukan ke atas mana-mana akaun yang diselenggara oleh Pelanggan dengan OCBC sekiranya akaun tersebut hanya boleh dikendalikan dengan dua (2) atau lebih penandatangan.

6.6 Semasa memulakan sesuatu Arahan untuk membayar bil atau memindahkan dana, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memasukkan nombor rujukan yang betul bagi penerima bayaran atau dana, dengan organisasi pengebilan atau bank penerima yang betul. "Nombor rujukan" termasuk nombor akaun, nombor kad pengenalan, nombor pasport, nombor pendaftaran perniagaan, atau nombor telefon bimbit, yang digunakan untuk mengenal pasti penerima. Pembayaran bil dan pemindahan dana akan dihantar kepada nombor rujukan yang dimasukkan oleh Pelanggan. Sebarang maklumat lain yang dimasukkan oleh Pelanggan, seperti nama pemegang akaun penerima, adalah untuk rujukan Pelanggan sendiri dan tidak akan digunakan untuk pengesahan atau pemastian identiti penerima bayaran atau dana.

Organisasi pengebilan atau bank penerima boleh menolak bayaran atau dana tersebut jika nombor rujukan yang dimasukkan oleh Pelanggan tidak dikenali atau tidak dapat dikesan, atau atas sebab-sebab lain di luar kawalan OCBC.

OCBC tidak akan menerima liabiliti atau bertanggungjawab bagi sebarang kesilapan dalam Arahan yang mengakibatkan kelewatan atau kegagalan pembayaran bil atau kegagalan pemindahan dana, atau sebarang penolakan atau ketidakpenerimaan oleh mana-mana organisasi pengebilan atau bank penerima, atau bagi sebarang kegagalan, kelewatan atau kesilapan oleh organisasi pengebilan atau bank penerima dalam mengkreditkan akaun penerima, atau bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau berkemungkinan dialami oleh mana-mana pihak.

6.7 OCBC berhak pada bila-bila masa untuk menetapkan, mengubah, atau membatalkan had bagi apa-apa transaksi, perkhidmatan, kemudahan dan produk yang boleh dilakukan melalui penggunaan Perbankan Dalam Talian OCBC, sama ada dari nilai wang, jumlah transaksi atau sebaliknya, sama ada had harian atau had geografi/negara atau sebaliknya, serta untuk mengubah kekerapan dan tempoh ketersediaannya, dengan notis kepada Pelanggan. OCBC akan memberi notis terdahulu kepada Pelanggan, termasuk melalui SMS ke nombor telefon bimbit Pelanggan yang berdaftar dengan OCBC, e-mel ke alamat e-mel Pelanggan yang berdaftar dengan OCBC, dan/atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh OCBC. Selepas OCBC menyampaikan notis berkenaan kepada Pelanggan, Pelanggan hendaklah serta-merta mengambil semua langkah yang perlu untuk mematuhi had tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengaturan alternatif bagi melaksanakan transaksi

Pelanggan yang dikehendaki, jika ada. Jika diarahkan dalam notis, Pelanggan bersetuju untuk menghubungi OCBC dengan serta-merta selepas menerima notis berkenaan.

6.8 OCBC tidak berkewajipan untuk melaksanakan, melengkapkan atau memproses mana-mana Arahan yang dihantar oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan telah melebihi had yang ditetapkan oleh OCBC bagi sebarang transaksi. OCBC tidak akan menanggung liabiliti atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau menjejaskan Pelanggan, atau yang timbul daripada, berkaitan dengan, atau disebabkan oleh insiden sedemikian.

6.9 Sebarang Arahan yang diterima oleh OCBC selepas masa had ("cut-off time") yang ditetapkan pada mana-mana hari akan direkodkan, dipaparkan atau dicatat dalam buku dan rekod OCBC pada atau bagi Hari Perniagaan berikutnya selepas tarikh Arahan tersebut diterima.

7. Arahan

7.1 OCBC berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas sebarang Arahan yang diterima daripada Pelanggan, dan OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada tindakan sedemikian. Setelah sebarang Arahan daripada Pelanggan berhubung dengan transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan dilaksanakan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, OCBC berhak untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan serta-merta, dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, penyalahgunaan atau salah urus dana yang tidak berpunca daripada kecuaian serius ("gross negligence") atau keingkaran sengaja ("wilful default") pihak OCBC.

Pelanggan hendaklah memastikan bahawa semua Arahan yang dihantar oleh Pelanggan adalah lengkap, betul, dan tepat. Pelanggan mengakui bahawa sekiranya Pelanggan tidak menerima pengesahan di skrin ("on-screen confirmation") daripada OCBC berhubung penerimaan Arahan tersebut, maka Arahan Pelanggan mungkin tidak diterima dan oleh itu mungkin tidak akan dilaksanakan.

7.2 Walaupun terdapat pengesahan di skrin yang diterima daripada OCBC selaras dengan Klausa 7.1 di atas, dan tanpa menjejaskan hak OCBC untuk bertindak berdasarkan Arahan Pelanggan sahaja, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya mana-mana kandungan dalam Arahan Pelanggan tidak dapat dibaca atau diproses oleh mana-mana sistem melalui mana Arahan tersebut dihantar, maka Arahan tersebut mungkin tidak muktamad dan oleh itu mungkin tidak akan dilaksanakan oleh OCBC. OCBC, mengikut budi bicara mutlaknya, boleh meminta pengesahan lanjut dan/atau maklumat tambahan sebelum melaksanakan Arahan tersebut. Tiada liabiliti akan ditanggung oleh OCBC bagi sebarang kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan Arahan yang tidak berpunca daripada kecuaian serius atau keingkaran sengaja pihak OCBC.

7.3 Dalam melaksanakan sebarang Arahan daripada Pelanggan, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa pelaksanaan tersebut, antara lain, adalah tertakluk kepada keperluan sistem dan operasi semasa OCBC dan/atau Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC serta apa-apa keadaan yang berkuat kuasa pada masa berkenaan. Sehubungan itu, OCBC adalah dibenarkan untuk mengambil tempoh masa yang munasabah bagi melaksanakan, memproses atau melengkapkan Arahan tersebut, dan OCBC tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau yang disebabkan kepada Pelanggan, atau yang timbul daripada, berkaitan dengan, atau berhubung dengan kelewatan tersebut.

7.4 Sekiranya OCBC menerima sesuatu Arahan yang tidak lengkap atau samar, atau sesuatu Arahan yang tidak selaras dengan mana-mana Arahan lain, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa OCBC

berhak untuk bertindak atas Arahan tersebut berdasarkan tafsiran munasabah OCBC atau mana-mana pegawainya terhadap Arahan berkenaan, atau sebaliknya berhak untuk menolak daripada bertindak sehingga maklumat lanjut atau suatu Arahan baharu diberikan oleh Pelanggan. OCBC tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab berhubung dengan pelaksanaan, pemprosesan atau tindakan atas sesuatu Arahan yang dibuat berdasarkan tafsiran munasabah tersebut, mahupun kerana menolak untuk melaksanakan Arahan tersebut.

7.5 Bagi akaun bersama, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa sebarang Arahan daripada mana-mana pemegang akaun bersama akan dianggap sebagai Arahan yang sah dan teratur berhubung dengan akaun bersama tersebut, dan OCBC berhak untuk bertindak atas, melaksanakan atau memproses Arahan tersebut tanpa menanggung apa-apa liabiliti terhadap mana-mana pemegang akaun bersama yang lain. Tanpa menjejaskan perkara di atas, sekiranya OCBC menerima Arahan yang bercanggah atau tidak selaras daripada seorang pemegang akaun bersama sebelum pelaksanaan atau pemprosesan sesuatu Arahan daripada pemegang akaun bersama yang lain, OCBC berhak untuk menolak daripada bertindak atas mana-mana Arahan tersebut sehingga OCBC menerima mandat daripada semua pemegang akaun bersama yang memberikan Arahan baharu berhubung dengan akaun bersama tersebut. OCBC tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti atas kegagalannya untuk bertindak, melaksanakan atau memproses Arahan tersebut, mahupun atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kegagalan pemegang akaun bersama mengeluarkan Arahan baharu berhubung dengan akaun bersama itu.

7.6 Rekod OCBC berhubung dengan Arahan, transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan, diproses atau dilakukan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, sama ada dengan atau tanpa kebenaran Pelanggan, serta apa-apa rekod transaksi yang berkaitan dengan pengendalian Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan apa-apa rekod lain yang diselenggarakan oleh OCBC atau mana-mana Pihak Berkaitan yang diberi kuasa oleh OCBC atau mana-mana Pihak Berkaitan lain yang berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, hendaklah mengikat dan muktamad terhadap Pelanggan bagi semua tujuan, serta akan menjadi keterangan muktamad mengenai sebarang transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, dan juga mengenai liabiliti Pelanggan terhadap OCBC. Rekod OCBC tersebut boleh terdiri daripada, antara lain, log panggilan telefon, cetakan komputer, data komputer yang disimpan dalam pita magnetik, kartrij atau apa-apa bentuk simpanan data lain.

7.7 Sesuatu Arahan berhubung dengan akaun Pelanggan tidak boleh ditarik balik dan mengikat Pelanggan sebaik sahaja Arahan tersebut dihantar kepada OCBC. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa sebarang Arahan yang diterima oleh OCBC melalui penggunaan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk dan Kod Sekuriti Pelanggan (jika berkenaan), sama ada dibenarkan atau sebaliknya, hendaklah dianggap sebagai Arahan daripada Pelanggan sendiri. Tanpa menjejaskan perkara yang sama, Pelanggan mempunyai hak untuk meminta pembatalan, penarikan balik, pembalikan atau pindaan terhadap mana-mana Arahan terdahulu yang telah dihantar kepada OCBC. OCBC, atas budi bicara mutlaknya, boleh memilih untuk bertindak atau tidak bertindak atas permintaan sedemikian bagi membatalkan, menarik balik, membalikkan atau meminda mana-mana Arahan terdahulu atau apa-apa Arahan lain yang diterima sebelum Arahan tersebut dilaksanakan, diproses atau disempurnakan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

7.8 OCBC berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menolak melaksanakan, memproses atau menjalankan mana-mana Arahan Pelanggan sekiranya Arahan tersebut adalah tidak selaras dengan dasar-dasar OCBC atau mana-mana peraturan atau undang-undang yang sedang berkuat kuasa atau atas apa-apa sebab lain sekalipun.

7.9 Tanpa mengira apa-apa yang terkandung di sini, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti berhubung dengan sebarang Arahan berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, atau kegagalan untuk melaksanakan atau memproses sebarang Arahan, dalam keadaan berikut:

(a) Arahan yang dihantar adalah tidak tepat atau tidak lengkap dalam apa-apa cara sekalipun;

(b) Berlaku kesilapan dalam Arahan yang dihantar, sama ada disebabkan semasa penghantaran melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau sebaliknya;

(c) Akaun Pelanggan yang berkaitan dengan Arahan tersebut tertakluk kepada apa-apa proses atau sekatan undang-undang atau digantung, ditutup atau dibekukan atas apa-apa sebab sekalipun;

(d) OCBC menyedari atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa penipuan atau apa-apa perbuatan jenayah telah, sedang atau akan dilakukan; dan

(e) Pelanggan gagal mematuhi mana-mana arahan, panduan, garis panduan atau prosedur berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau mana-mana bahagiannya.

7.10 Sekiranya akaun Pelanggan ditutup atas apa-apa sebab sekalipun, sebarang Arahan yang berkaitan dengan akaun tersebut yang belum dilaksanakan atau diproses akan dibatalkan pada hari akaun berkenaan ditutup, dan Pelanggan dengan ini mengakui serta bersetuju bahawa OCBC tidak akan dalam apa-apa keadaan pun, bertanggungjawab atas kegagalan melaksanakan atau memproses sebarang Arahan sedemikian.

7.11 Pelanggan adalah bertanggungjawab terhadap semua pemindahan dana, semakan baki atau transaksi yang dijalankan, sama ada dengan atau tanpa kebenaran atau pengetahuan Pelanggan.

7.12 OCBC boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk), tanpa sebarang liabiliti kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain, atas sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan atau kos:

(a) menghendaki mana-mana individu yang menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC untuk mengenal pasti diri mereka melalui cara alternatif (termasuk melalui tandatangan, secara bersemuka atau panggilan telefon) dan/atau memberikan pengesahan terhadap sesuatu Arahan sebelum OCBC bertindak atas Arahan tersebut; dan/atau

(b) menolak atau berhenti melaksanakan sebarang Arahan, atau membalikkan sebarang tindakan yang telah dilaksanakan, atau mengenakan syarat-syarat tertentu bagi pelaksanaan sesuatu Arahan, atas alasan yang dianggap munasabah oleh OCBC; dan/atau

(c) mengubah, menarik balik, menggantung atau membatalkan Kod Sekuriti dan/atau Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

7.13 Sekiranya OCBC membatalkan atau membalikkan sebarang Arahan, atau menerima sesuatu Arahan bersyarat, Pelanggan hendaklah membayar caj serta segala kos yang dituntut oleh OCBC.

7.14 Sebarang Arahan yang diberikan dan diterima melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC selepas masa had (cut-off time) yang ditetapkan akan dianggap sebagai Arahan yang diberikan dan diterima pada Hari Perniagaan berikutnya.

7.15 Pelanggan menanggung semua risiko yang wujud berhubung dengan sekuriti, kerosakan data, kelewatan atau kegagalan dalam melaksanakan sebarang Arahan atau transaksi, ralat penghantaran, ketersediaan capaian, masa henti (downtime), dan segala risiko lain yang berkaitan atau bersampingan dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, kecuali risiko tersebut boleh dibuktikan berpunca daripada kecuaian serius (gross negligence) oleh pihak OCBC.

7.16 Sebarang Arahan bagi pemindahan dana akan dianggap muktamad sebaik sahaja OCBC berjaya melaksanakan Arahan untuk mendebit akaun Pelanggan dan mengkreditkan akaun benefisiari. Pelanggan hendaklah memaklumkan benefisiari berhubung dengan pemindahan dana yang telah dilaksanakan olehnya.

8. Ketersediaan Perkhidmatan

8.1 Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC berhasrat untuk tersedia 7 hari seminggu, 24 jam sehari. Walau bagaimanapun, Pelanggan mengakui bahawa pada masa-masa tertentu, sebahagian atau keseluruhan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC mungkin tidak dapat diakses kerana kerja-kerja penyelenggaraan sistem atau sebab-sebab lain di luar kawalan OCBC. Tanpa menjejaskan perkara di atas, Pelanggan mengakui bahawa OCBC secara khusus tidak menjamin bahawa Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC akan sentiasa tersedia pada setiap masa.

8.2 Sekiranya sebahagian atau keseluruhan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC tidak dapat diakses atas apa-apa sebab sekalipun, Pelanggan bersetuju untuk menggunakan cara alternatif, termasuk tetapi tidak terhad kepada Perbankan Telefon OCBC, ATM atau cawangan OCBC, bagi tujuan mengeluarkan Arahan berhubung akaun Pelanggan.

8.3 OCBC boleh dari semasa ke semasa menaik taraf, mengubah suai, menggantung, atau mengubah mana-mana bahagian atau keseluruhan laman web OCBC dan tidak akan bertanggungjawab sekiranya sebarang naik taraf, pengubahsuaian, penggantungan atau perubahan tersebut menghalang Pelanggan daripada mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau mana-mana bahagian atau ciri-cirinya.

8.4 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pelanggan tidak berhak dan tidak boleh mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dari mana-mana Negara Tertakluk Sekatan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 18A.1 di bawah), atau dari mana-mana negara lain sekiranya akses tersebut dilarang di bawah undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dalam bidang di mana OCBC beroperasi.

9. Maklumat Akaun

9.1 Pelanggan mengakui bahawa sebarang maklumat berhubung akaun Pelanggan sebagaimana dilaporkan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC mungkin tidak sentiasa sepenuhnya terkini kerana mungkin terdapat Arahan dan/atau transaksi yang, tanpa mengehadkan maksud umum perkara ini, hanya dikreditkan secara sementara sebagai kesan belum selesai (uncleared effects) (yang boleh diubah atau dibatalkan oleh OCBC sekiranya tidak diluluskan), masih belum diproses oleh OCBC, memerlukan pengesahan daripada OCBC atau masih dalam proses. Pelanggan secara khusus bersetuju bahawa baki akaun sebagaimana dilaporkan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC tidak boleh untuk apa-apa tujuan sekalipun diambil sebagai bukti muktamad mengenai baki akaun Pelanggan dengan OCBC.

9.2 Pelanggan boleh mencetak transaksi dan/atau penyata daripada Peranti Akses milik sendiri. Pelanggan mengakui bahawa cetakan tersebut tidak membentuk transaksi daripada OCBC dan tidak mengikat OCBC.

9.3 Bagi akaun berasaskan penyata, satu penyata akan dikeluarkan sekali sebulan atau pada selang masa lain sebagaimana yang ditentukan oleh OCBC.

9.4 Pelanggan yang telah mendaftar untuk Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC adalah layak dan boleh mengakses, atau jika pendaftaran diperlukan, boleh mendaftar untuk mengakses, penyata akaun berkala dalam bentuk elektronik yang boleh dijana oleh OCBC bagi akaun-akaun yang mana penyata elektronik disediakan oleh OCBC.

9.5 Rekod transaksi OCBC bagi sesuatu akaun adalah muktamad, konklusif serta mengikat Pelanggan untuk semua tujuan, kecuali terdapat kesilapan nyata (manifest error). Transaksi yang belum disahkan oleh OCBC tidak akan dipaparkan dalam penyata dan tidak akan dianggap sebagai bukti muktamad kedudukan akaun.

9.6 Pelanggan hendaklah menyemak semua catatan dalam penyata atau rekod yang dikeluarkan oleh OCBC dan memaklumkan OCBC dengan cara yang diperuntukkan dalam Klausa 22 di bawah berhubung sebarang kesilapan atau percanggahan dalam penyata atau rekod tersebut dalam tempoh 14 hari (atau apa-apa tempoh lain sebagaimana ditentukan oleh OCBC) dari tarikh penyata atau rekod berkenaan. Sekiranya OCBC tidak menerima sebarang makluman dalam tempoh yang ditetapkan, catatan dalam penyata atau rekod tersebut akan dianggap betul, mengikat, muktamad dan konklusif.

9.7 Semua notis berhubung kesilapan atau percanggahan yang diterima oleh OCBC akan disiasat mengikut Klausa 25 di bawah. Setelah siasatan selesai, OCBC boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, membuat pelarasan dan pembetulan yang perlu jika ada. Sebarang wang yang terhutang kepada atau daripada Pelanggan akan dikreditkan atau didebitkan daripada akaun yang berkaitan dan akan dipaparkan dalam penyata atau rekod bulan berikutnya.

10. Pembayaran Bil

10.1 OCBC boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, dengan memberi notis terlebih dahulu, menambah, menarik balik, atau selainnya meminda serta mengubah senarai organisasi pengebilan yang boleh dibuat pembayaran bil kepadanya. Pelanggan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pelanggan akibat daripada penambahan atau penarikan balik mana-mana organisasi pengebilan bagi perkhidmatan pembayaran bil, atau sebarang pindaan dan pengubahsuaian terhadap senarai organisasi pengebilan tersebut.

10.2 Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk mematuhi sebarang keperluan yang berkaitan dengan prosedur penyelesaian bil dengan organisasi pengebilan yang berkenaan. OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun terhadap kegagalan Pelanggan untuk mematuhi mana-mana keperluan dan terma yang mungkin ditetapkan oleh organisasi pengebilan berkenaan.

10.3 Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada OCBC, dalam apa-apa borang dan kaedah sebagaimana yang diarahkan oleh OCBC dari semasa ke semasa, berhubung dengan sebarang perubahan pada akaun dan butiran Pelanggan yang telah didaftarkan dengan organisasi pengebilan berkenaan sebelum mengeluarkan sebarang arahan pembayaran kepada OCBC. Arahan pembayaran bagi pembayaran bil akan terus berkuat kuasa walaupun berlaku kematian atau kebankrapan Pelanggan atau penamatan urusan antara Pelanggan dengan organisasi pengebilan atau benefisiari pembayaran bil tersebut (“Penamatan Pembayaran”) sehingga OCBC menerima notis bertulis yang sah mengenai kematian, kebankrapan atau Penamatan Pembayaran tersebut.

10.4 OCBC boleh dari semasa ke semasa menyediakan perkhidmatan untuk membolehkan Pelanggan mengeluarkan Arahan kepada OCBC bagi membuat pembayaran bil secara dalam talian melalui laman web yang dikawal oleh pihak ketiga tertentu yang menawarkan perkhidmatan pembayaran bil bagi organisasi pengebilan terpilih. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa dalam apa-apa keadaan sekalipun ia tidak boleh ditafsirkan bahawa OCBC adalah pihak kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga melalui laman web mereka. Oleh itu, OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun terhadap sebarang produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan yang diperoleh, dibeli atau disediakan oleh pihak ketiga berkenaan, atau bertanggungjawab terhadap kegagalan untuk menyerahkan produk, perkhidmatan, kandungan dan/atau perisian tersebut, pertanyaan pelanggan, sokongan teknikal, perkhidmatan penyelenggaraan dan/atau sebarang obligasi atau perkhidmatan lain yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut, yang menjadi tanggungjawab mutlak pihak ketiga berkenaan. Pelanggan selanjutnya mengakui bahawa akses, penggunaan dan/atau pembelian produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan daripada pihak ketiga tersebut mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang ditetapkan oleh pihak ketiga berkenaan, dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan melaksanakan semua terma dan syarat tersebut, termasuk jika dikehendaki oleh pihak ketiga tersebut, menandatangani mana-mana dokumen yang mengandungi terma dan syarat tersebut.

10.5 Tanpa menjejaskan perkara di atas, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pelanggan bertanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan butiran transaksi pembayaran bil dalam penyata yang dikeluarkan oleh organisasi pengebilan berkenaan kepada Pelanggan.

10.6 Sekiranya Pelanggan membuat bantahan berhubung sebarang percanggahan, ketinggalan atau kesilapan yang terdapat dalam penyata yang dikeluarkan oleh organisasi pengebilan, Pelanggan hendaklah menyelesaikan pertikaian tersebut secara langsung dengan organisasi pengebilan berkenaan. Pelanggan tidak boleh dalam apa-apa keadaan sekalipun, atau dalam hal timbulnya sebarang pertikaian sedemikian walau bagaimana pun caranya, menahan sebarang pembayaran yang perlu dibayar kepada OCBC bagi apa-apa jumlah yang telah didebitkan daripada akaun Pelanggan untuk pembayaran bil kepada organisasi pengebilan berkenaan, dan jumlah yang telah didebitkan itu hendaklah diambil secara konklusif sebagai jumlah yang ditanggung oleh Pelanggan. Pelanggan selanjutnya mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kerugian yang dialami akibat daripada sebarang perbuatan, peninggalan, kecacatan atau kekurangan dalam transaksi pembayaran bil yang tidak boleh dikaitkan dengan kecuaian besar (gross negligence) atau keingkaran sengaja (wilful default) OCBC.

11. Pemindahan Dana

11.1 Pemindahan dana daripada akaun tertentu milik Pelanggan yang diselenggara di OCBC ke mana-mana akaun termasuk akaun pihak ketiga di OCBC atau mana-mana bank lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada had dan syarat seperti mana yang boleh ditetapkan oleh OCBC mengikut budi bicara mutlaknya atau oleh pihak berkuasa berkaitan, dari semasa ke semasa.

11.2 Pelanggan juga boleh, atas sebab-sebab sekuriti, menetapkan kepada OCBC had maksimum bagi sebarang pemindahan dana dalam cara yang mungkin ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa.

12. Kerahsiaan dan Tanggungjawab terhadap ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, Token Sekuriti, Telefon Mudah Alih dan Peranti Akses

12.1 Pelanggan tidak boleh pada bila-bila masa menzahirkan kepada sesiapa (termasuk mana-mana pekerja OCBC), ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Kod Sekuriti dan/atau apa-apa jawapan unik lain yang dipilih oleh Pelanggan berhubung dengan langkah-langkah sekuriti yang boleh dilaksanakan oleh OCBC dari semasa ke semasa ("jawapan unik Pelanggan") atau membenarkan Token Sekuriti atau Telefon Mudah Alih atau Peranti Akses berada dalam milikan atau kawalan mana-mana individu.

12.2 ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, jawapan unik Pelanggan dan, jika berkenaan, Token Sekuriti, hanya boleh digunakan oleh Pelanggan yang telah berjaya mencipta ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk melalui proses pendaftaran Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, dan telah memperoleh atau menerima sama ada Token Sekuriti daripada OCBC atau mendaftarkan Telefon Mudah Alih atau Peranti Aksesnya dengan OCBC untuk menerima Kod Sekuriti.

12.3 Pelanggan hendaklah memaklumkan OCBC dengan segera sebaik sahaja menerima sebarang data dan/atau maklumat melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC yang tidak ditujukan kepada Pelanggan. Pelanggan bersetuju bahawa semua data dan/atau maklumat tersebut hendaklah dipadamkan segera daripada Telefon Mudah Alih atau Peranti Akses Pelanggan.

12.4 Pelanggan hendaklah mengambil langkah berhati-hati yang munasabah untuk mengelakkan penzahiran atau penggunaan tanpa kebenaran ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, jawapan unik Pelanggan, Token Sekuriti, Telefon Mudah Alih dan Peranti Akses. OCBC tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan sekiranya mana-mana individu memperoleh ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, jawapan unik Pelanggan, Token Sekuriti, Telefon Mudah Alih atau Peranti Akses kemudian mengeluarkan Arahan berhubung dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan, diproses atau dijalankan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau dalam apa-apa cara lain untuk memperoleh pembayaran mana-mana wang milik Pelanggan melalui penggunaan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, jawapan unik Pelanggan, Token Sekuriti, Telefon Mudah Alih atau Peranti Akses tersebut.

12.5 Walau apa pun yang bertentangan di dalam ini, sebaik sahaja Pelanggan menyedari atau mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai bahawa ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, jawapan unik Pelanggan, Token Sekuriti, Telefon Mudah Alih atau Peranti Akses Pelanggan telah disalahgunakan dan/atau dikompromi akibat penzahiran, penemuan, pemintasan atau kecurian oleh mana-mana pihak lain, Pelanggan hendaklah segera memaklumkan OCBC mengikut cara yang diperuntukkan dalam Klausa 22 di bawah.

12.6 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul ekoran daripada sebarang Arahan berkaitan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan, dijalankan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC kecuali jika Pelanggan memenuhi semua syarat berikut:
(a) tindakan Pelanggan tidak melibatkan unsur penipuan; dan
(b) Pelanggan tidak menzahirkan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, dan jawapan unik Pelanggan kepada mana-mana individu atau melalui e-mel tanpa diminta atau di mana-mana laman web selain laman web rasmi OCBC; dan
(c) Pelanggan telah mengambil langkah munasabah untuk memastikan Token Sekuriti, Telefon Mudah Alih dan Peranti Akses sentiasa selamat; dan
(d) Pelanggan telah memaklumkan OCBC dengan segera mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Klausa 22 sebaik sahaja menyedari atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, jawapan unik Pelanggan, Token Sekuriti, Telefon Mudah Alih atau Peranti Akses telah hilang, dicuri, disalah guna dan/atau terjejas; dan

(e) Pelanggan telah memberikan semua maklumat yang diminta oleh OCBC dan memberi kerjasama penuh termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan; dan
(f) Pelanggan mematuhi semua prosedur, keperluan, sekatan, arahan atau sebarang syarat tambahan daripada OCBC berkaitan akses dan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

Dalam melaksanakan kewajipan penjagaan berkaitan perkara di atas, Pelanggan hendaklah mematuhi nasihat sekuriti dan langkah sekuriti lain yang dimaklumkan oleh OCBC dari semasa ke semasa sebagaimana dirujuk dalam Klausa 4.4. Jika gagal berbuat demikian, Pelanggan akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan.

12.7 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC mempunyai hak mutlak dan budi bicara tunggal untuk menggantung akses Pelanggan kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC sehingga ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, jawapan unik Pelanggan, dan Token Sekuriti yang baharu dipilih dan/atau dikeluarkan oleh OCBC; atau nombor Telefon Mudah Alih telah didaftarkan dengan OCBC; atau Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC diakses melalui Peranti Akses yang baharu; atau sehingga tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh OCBC mengikut budi bicara mutlaknya.

13. Penzahiran

13.1 Tertakluk kepada arahan nyata Pelanggan (jika ada) yang mengehadkan penzahiran, data peribadi, butiran akaun dan hubungan Pelanggan dengan OCBC ("Maklumat") akan dizahirkan kepada individu atau badan yang diperlukan atau dibenarkan secara sah oleh undang-undang untuk OCBC menzahirkan, atau yang diluluskan secara bertulis oleh Bank Negara Malaysia untuk OCBC zahirkan, atau yang kini atau selepas ini dibenarkan secara bertulis oleh Pelanggan untuk dizahirkan.

13.2 Tanpa menjejaskan peruntukan Klausa 13.1, Pelanggan dengan ini memberikan persetujuan bahawa Maklumat boleh dizahirkan kepada pihak-pihak dan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

	Pihak-pihak di mana Maklumat boleh dizahirkan	**Tujuan/Keadaan untuk penzahiran Maklumat**
(a)	Pemproses data dan penyedia perkhidmatan OCBC, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;	Untuk pelaksanaan perkhidmatan OCBC
(b)	Pihak berkuasa kawal selia/badan penguatkuasaan undang-undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mengikut Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA);	Untuk pematuhan undang-undang dan peraturan
(c)	Pihak ketiga yang berhasrat untuk menyelesaikan hutang Pelanggan;	Untuk penyelesaian hutang Pelanggan
(d)	Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad dan agensi kerajaan lain yang ditubuhkan untuk membeli atau bertindak sebagai penjamin pinjaman;	Untuk penjualan atau cadangan penjualan pinjaman atau untuk mendapatkan jaminan bagi pinjaman tersebut
(e)	Pihak Berkaitan dan Pihak Ketiga yang melaluinya dan dengannya Transaksi dimasuki atau Perkhidmatan disediakan;	Untuk pematuhan prosedur yang dikenakan atau untuk penyelesaian atau rundingan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian

		atau untuk mengendalikan pertanyaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang Transaksi atau Perkhidmatan
(f)	Peguam, pakar dalam penipuan, teknologi maklumat dan profesional/perunding/pakar lain yang menawarkan perkhidmatan profesional atau kepakaran kepada OCBC berkaitan dengan apa-apa perkara perundangan atau apa-apa perkara lain yang memerlukan pengetahuan atau nasihat pakar;	Untuk nasihat profesional dan perundingan daripada profesional yang dilantik oleh OCBC
(g)	Ejen sah, wasi, pentadbir atau wakil undang-undang Pelanggan; dan	Untuk pengurusan hal ehwal Pelanggan
(h)	Pemegang serah hak atau pemeroleh OCBC, bakal pemegang serah hak atau pemeroleh, dan pengganti dalam hak milik.	Untuk penyusunan semula termasuk pelupusan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan OCBC.

13.3 Pelanggan dengan ini memberikan persetujuan yang tidak boleh ditarik balik dan memberi kuasa kepada OCBC untuk menjalankan semakan kredit serta mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada OCBC dengan mana-mana pihak (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana biro kredit, organisasi atau perbadanan yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit atau maklumat lain).

13.4 Pelanggan dengan ini memberikan persetujuan kepada agensi pelaporan kredit (“CRA”) yang berkenaan (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010) pihak yang mana OCBC menjalankan semakan kredit dengan, untuk menzahirkan laporan/maklumat kredit Pelanggan kepada OCBC bagi tujuan memohon Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau apa-apa produk dan perkhidmatan OCBC yang lain serta bagi tujuan pengurusan risiko dan semakan OCBC. OCBC dengan ini diberi kuasa, tetapi tidak diwajibkan, untuk menyampaikan persetujuan Pelanggan dan tujuan penzahiran tersebut kepada CRA yang berkenaan.

13.5 Sekiranya Pelanggan merupakan sebuah syarikat atau badan berkanun atau entiti tidak diperbadankan, Pelanggan dengan ini memberi jaminan dan pernyataan kepada OCBC bahawa: (i) Pelanggan telah mendapatkan persetujuan daripada para pengarah, pengurus, pegawai, pemegang jawatan, rakan kongsi dan pemegang saham untuk menzahirkan data peribadi mereka kepada OCBC berhubung dengan permohonan bagi melanggani Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau mana-mana produk dan perkhidmatan OCBC yang lain; (ii) Pelanggan telah memberitahu mereka bahawa OCBC boleh mengumpul atau mengesahkan data peribadi mereka dengan sumber pihak ketiga seperti CRA, Suruhanjaya Syarikat atau Jabatan Insolvensi, dan telah mendapatkan persetujuan mereka bagi CRA yang berkenaan untuk menzahirkan laporan/maklumat kredit mereka kepada OCBC bagi tujuan memohon Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau mana-mana produk dan perkhidmatan OCBC yang lain serta untuk pengurusan risiko dan semakan OCBC; (iii) OCBC boleh menzahirkan data peribadi mereka kepada kategori pihak ketiga seperti yang dihuraikan dalam Polisi Privasi OCBC; dan (iv) Pelanggan telah memberitahu mereka supaya membaca Polisi Privasi OCBC yang dipaparkan dalam laman web OCBC.

13.6 Sekiranya Pelanggan adalah seorang individu, Pelanggan dengan ini mengakui bahawa ia telah membaca Polisi Privasi OCBC yang dipaparkan di laman web OCBC, yang menerangkan bahawa: (i) OCBC boleh mengumpul data peribadi beliau secara langsung daripadanya atau daripada sumber pihak ketiga; (ii) tujuan data peribadi beliau dikumpulkan; (iii) hak beliau untuk mengakses dan membetulkan data peribadinya; (iv)

kategori pihak ketiga yang mana OCBC boleh menzahirkan data peribadinya; (v) pilihan dan cara untuk mengehadkan pemprosesan data peribadinya; (vi) sama ada data peribadi yang diminta adalah mandatori atau sukarela, dan jika mandatori, akibat jika data tersebut tidak diberikan; (vii) bahawa ia boleh mengemas kini data peribadinya sebaik sahaja terdapat sebarang perubahan; dan (viii) maklumat untuk menghubungi OCBC sekiranya ia ingin membuat pertanyaan atau memberikan maklum balas.

13.7 Walaupun OCBC akan menggunakan usaha terbaik untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dihantar menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, OCBC tidak menjamin sekuriti mana-mana maklumat yang dihantar oleh Pelanggan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC. Oleh itu, Pelanggan sedia menerima risiko bahawa mana-mana maklumat yang dihantar atau diterima melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan dan Pelanggan tidak akan memegang OCBC bertanggungjawab atas sebarang akses tersebut atau sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat daripada akses berkenaan.

13.8 Pelanggan bersetuju bahawa kecuali penzahiran yang berpunca daripada penipuan atau kecuaian serius (gross negligence) oleh OCBC atau mana-mana pegawai atau wakilnya, maka OCBC dan pegawai atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada sebarang penzahiran, pembocoran, atau pembongkaran maklumat berhubung Pelanggan atau akaun Pelanggan dengan OCBC oleh OCBC dan/atau mana-mana pegawai atau wakilnya, dan penzahiran sedemikian dianggap telah diberi kuasa.

14. Liabiliti, Had, Pengecualian dan Indemniti

14.1 OCBC tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau rasa malu yang tertimbul atau dialami oleh Pelanggan berhubung dengan, atau berkenaan dengan, sebarang Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan, dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan Pelanggan untuk mematuhi arahan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, serta ketidakupayaan OCBC untuk menyediakan perkhidmatan akibat kerosakan, kegagalan separa atau keseluruhan mana-mana sistem pemprosesan data, sistem sekuriti, sistem penghantaran telekomputer atau sistem telekomunikasi, atau keadaan lain di luar kawalan OCBC atau mana-mana bank, institusi kewangan, individu atau organisasi yang terlibat dalam sistem-sistem yang disebutkan di atas.

14.2 OCBC akan mengambil segala usaha munasabah untuk memastikan bahawa Token Sekuriti yang dibekalkan kepada Pelanggan akan berfungsi sebagaimana yang diperlukan bagi membolehkan akses kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC pada masa ia diperlukan. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada OCBC mengikut kaedah yang ditetapkan di Klausa 22 di bawah sekiranya Pelanggan kehilangan Token Sekuriti atau sekiranya Token Sekuriti tersebut gagal berfungsi dengan betul. Selain daripada yang dinyatakan di sini, OCBC tidak akan menanggung sebarang liabiliti lain berhubung dengan Token Sekuriti tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang liabiliti bagi pelanggaran terma tersirat mengenai kualiti memuaskan, kebolehdagangan atau kesesuaian bagi tujuan mana-mana Token Sekuriti. Sebagai tambahan, OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan akibat kegagalan Pelanggan untuk menyimpan dengan selamat dan/atau menggunakan Token Sekuriti tersebut selaras dengan arahan dan saranan yang diberikan oleh OCBC.

14.3 OCBC berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, pada bila-bila masa dengan pemberitahuan, untuk membatalkan penggunaan, atau menghendaki penggantian atau pengubahsuaian, Token Sekuriti atau Telefon Mudah Alih atau apa-apa peranti lain yang ditetapkan oleh OCBC untuk digunakan bagi tujuan penjanaan atau

penerimaan Kod Sekuriti. OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku akibat daripada tindakan sedemikian.

14.4 Tanpa menjejaskan skop umum Klausa 14.1, OCBC tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau rasa malu yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada, atau berpunca daripada, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

(a) Pelanggan tidak mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun berkaitan bagi membolehkan sebarang pembayaran atau pemindahan dilakukan.

(b) Ketidakupayaan Pelanggan untuk melaksanakan sebarang transaksi disebabkan oleh had yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa atau disebabkan oleh Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau mana-mana bahagiannya yang tidak tersedia atau tidak berfungsi.

(c) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peralatan, pembekal pelayar Internet atau Penyedia Perkhidmatan Internet atau ejen atau subkontraktor mereka.

(d) Sebarang pencerobohan atau serangan oleh virus, Trojan horse, worm, bot dan/atau macro atau komponen berbahaya lain terhadap pelayar web Pelanggan dan/atau Peranti Akses atau Sistem Komputer Penyedia Perkhidmatan Internet.

(e) Sebarang kerosakan atau kegagalan fungsi mana-mana peralatan, sistem atau perisian yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti telekomunikasi, sambungan, bekalan elektrik, rangkaian telekomunikasi atau rangkaian komunikasi lain atau mana-mana bahagian sistem pemindahan dana elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang gangguan, pintasan, penggantungan, kelewatan atau kegagalan untuk menjana Kod Sekuriti menggunakan Token Sekuriti/Telefon Mudah Alih, kecuali jika kerosakan atau kegagalan fungsi tersebut boleh diatribusikan kepada kecuaian besar OCBC.

(f) Kekurangan maklumat atau kegagalan oleh Pelanggan untuk memberikan maklumat yang jelas, wajib dan lengkap bagi tujuan menjalankan, melaksanakan atau memproses Arahan berkaitan dengan pembayaran atau pemindahan atau transaksi dan/atau perkhidmatan.

(g) Sebarang penghapusan atau pengubahan Arahan Pelanggan atau mana-mana arahan, data atau maklumat lain yang dihantar oleh Pelanggan, yang tidak boleh diatribusikan kepada kecuaian besar OCBC.

(h) Sebarang penghantaran Arahan Pelanggan yang tidak sahih, tidak tepat, tidak lengkap, lapuk atau mengandungi kesilapan, yang tidak boleh diatribusikan kepada kecuaian besar OCBC.

(i) Sebarang kegagalan oleh Pelanggan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini serta arahan, prosedur dan panduan terkini bagi penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan/atau mana-mana penolakan oleh OCBC untuk bertindak akibat daripada kegagalan tersebut.

(j) Peranti Akses atau perkakasan Pelanggan atau Telefon Mudah Alih yang tidak berfungsi dengan baik atau mengalami kerosakan fungsi.

(k) Kegagalan Pelanggan untuk memberikan maklumat yang tepat pada masanya dan sahih berkaitan dengan atau berhubung dengan Arahan berkaitan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan, dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

(l) Sebarang kelewatan, kegagalan, ketinggalan, gangguan, halangan, tergendala atau gangguan perniagaan atau operasi yang disebabkan oleh, tetapi tidak terhad kepada, keadaan *force majeure*, bencana alam, peperangan, permusuhan seperti peperangan, rusuhan, sekatan jalan, mogok, embargo, atau kerosakan mesin atau peralatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Token Sekuriti/Telefon Mudah Alih), atau penggantungan operasi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC (termasuk tanpa had kepada penjanaan Kod Sekuriti) dan keadaan-keadaan lain di luar kawalan OCBC.

14.5 Sekiranya ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Sekuriti, Token Sekuriti dan/atau Telefon Mudah Alih Pelanggan terzahir akibat sebarang peranti perkakasan yang tidak dibenarkan atau sebagainya yang dipasang atau dimuatkan, dan/atau program perisian atau aplikasi yang dimuat turun atau dipasang pada Peranti Akses atau Telefon Mudah Alih yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, maka OCBC tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau rasa malu yang dialami atau ditanggung (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh Pelanggan. Selain itu, OCBC tidak dipertanggungjawabkan untuk membuktikan bahawa sebarang Arahan, transaksi dan/atau perkhidmatan yang tidak dibenarkan adalah berpunca daripada pelanggaran sekuriti tersebut.

14.6 OCBC tidak akan menanggung sebarang liabiliti terhadap kerosakan, kerugian atau perbelanjaan, atau terhadap sebarang obligasi untuk membayar atau mengganti rugi faedah kepada Pelanggan berhubung dengan kegagalan pengkreditan wang melalui penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, kecuali setakat mana kerosakan, kerugian atau perbelanjaan tersebut dialami secara langsung akibat daripada kecuaian besar atau keingkaran sengaja oleh OCBC.

14.7 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa sebahagian kandungan, perisian, produk dan perkhidmatan yang tersedia, boleh diakses atau disediakan sebagai sebahagian daripada, tambahan kepada atau berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC adalah, atau mungkin, disediakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga atau melalui penggunaan perisian dan/atau kandungan pihak ketiga dan dalam apa-apa keadaan pun, tidak boleh ditafsirkan bahawa OCBC adalah pihak kepada mana-mana transaksi antara Pelanggan dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga tersebut, atau bahawa produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan pihak ketiga tersebut disediakan atau disokong oleh mana-mana ahli Kumpulan OCBC. Oleh itu, tiada mana-mana ahli Kumpulan OCBC akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara pun terhadap mana-mana produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan yang diperolehi dan/atau dibeli daripada atau disediakan oleh pihak ketiga tersebut, atau bertanggungjawab terhadap kegagalan dalam penyampaian produk, perkhidmatan, kandungan dan/atau perisian tersebut, pertanyaan pelanggan, sokongan teknikal, perkhidmatan penyelenggaraan dan/atau obligasi atau perkhidmatan lain berkaitan produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut, yang mana menjadi tanggungjawab mutlak pihak ketiga berkenaan. Pelanggan selanjutnya mengakui bahawa akses, penggunaan dan/atau pembelian produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang ditetapkan oleh pihak ketiga berkenaan, dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi serta melaksanakan semua terma dan syarat tersebut serta, jika dikehendaki oleh pihak ketiga tersebut, menandatangani apa-apa dokumen yang mengandungi terma dan syarat berkenaan.

14.8 Pelanggan memahami bahawa laman web yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC mungkin mengandungi pautan ke laman web yang dikawal atau ditawarkan oleh pihak ketiga. OCBC dengan ini menafikan liabiliti terhadap sebarang maklumat, bahan, produk atau perkhidmatan yang disiarkan atau ditawarkan di mana-mana laman web pihak ketiga berkenaan. OCBC tidak mengesahkan atau mengesyorkan sebarang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan atau maklumat yang terkandung dalam laman-laman tersebut atau maklumat yang dibekalkan oleh pihak ketiga tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebut harga saham dan kadar pertukaran asing) dan OCBC juga tidak akan bertanggungjawab

terhadap sebarang kegagalan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan atau diiklankan di mana-mana laman web pihak ketiga tersebut.

14.9 Pelanggan menerima bahawa disebabkan undang-undang di sesetengah negara, Pelanggan mungkin tidak dapat mengakses atau menggunakan, atau mungkin dihalang oleh OCBC daripada mengakses atau menggunakan, Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC di negara-negara tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh OCBC dari semasa ke semasa. Pelanggan tidak boleh menuntut OCBC sebagai bertanggungjawab terhadap ketidakupayaan tersebut untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.

14.10 Tertakluk kepada peruntukan di sini, liabiliti tunggal dan keseluruhan OCBC terhadap Pelanggan sama ada dalam kontrak, tort (termasuk kecuaian atau pelanggaran kewajipan berkanun) atau selainnya yang timbul berdasarkan Terma dan Syarat ini tidak akan melebihi jumlah transaksi yang menimbulkan tuntutan tersebut, atau kerugian langsung yang dialami, yang mana lebih rendah.

15. Hak Milik Harta Intelek

15.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam dan ke atas sistem komputer OCBC serta Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, termasuk tetapi tidak terhad kepada laman web OCBC dan laman web mudah alih OCBC, serta semua kandungan dan sebarang kemas kini daripadanya, adalah dimiliki secara eksklusif oleh OCBC dan/atau syarikat induknya, Oversea Chinese Banking Corporation Limited of Singapore, atau vendor pihak ketiga yang berkenaan, syarikat bersekutu atau mana-mana pihak ketiga lain, jika berkenaan.

16. Penafian Jaminan

16.1 Maklumat dan bahan yang terkandung dalam laman web OCBC dan/atau laman web mudah alih OCBC dan/atau laman web lain yang boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, termasuk teks, grafik, pautan, petikan daripada pautan atau item lain disediakan dalam keadaan “Sedia Ada” dan “Tersedia”. OCBC tidak memberi sebarang jaminan mengenai kecukupan atau kesempurnaan maklumat dan bahan tersebut. Tiada sebarang jaminan dalam apa-apa bentuk pun, sama ada tersirat, nyata atau berkanun, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan tiada pelanggaran hak pihak ketiga, hak milik, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, dan kebebasan daripada virus komputer, diberikan berhubung dengan maklumat dan bahan berkenaan.

17. Fi dan Caj

17.1 Sebarang cukai perkhidmatan dan barangan (GST) atau levi lain yang kini atau selepas ini dikenakan oleh undang-undang atau perlu dibayar berhubung dengan sebarang wang yang dibayar kepada, diterima atau boleh diterima oleh OCBC, atau apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh OCBC, hendaklah (kecuali setakat yang dilarang oleh undang-undang) ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan. OCBC berhak mendebitkannya daripada akaun Pelanggan.

17.2 OCBC berhak mengenakan atau menetapkan caj perkhidmatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada caj bagi penyediaan Token Sekuriti dan/atau penghantaran Kod Sekuriti) serta membuat perubahan dari semasa ke semasa berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan, dengan syarat bahawa notis awal 21 hari yang memperincikan butiran caj tersebut diberikan kepada Pelanggan secara bertulis atau dalam

bentuk lain yang dianggap sesuai oleh OCBC. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan pengenaan fi atau caj tersebut atau sebarang perubahan terhadapnya, Pelanggan hendaklah menamatkan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC menurut Klausa 20.3 di sini atau berhenti menggunakan transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan tertentu yang berkaitan dengan fi, caj atau perubahan tersebut. Pelanggan yang terus menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan mengeluarkan Arahan berkaitan transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan tertentu tersebut akan dianggap sebagai bukti mencukupi bahawa Pelanggan telah bersetuju dan menerima fi, caj atau perubahan berkenaan.

18A. Sekatan

18A.1 Tafsiran

Definisi-definisi berikut hendaklah mempunyai maksud masing-masing sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausa 18A ini:

“Negara yang Tersekat" bermaksud, pada bila-bila masa, mana-mana negara atau wilayah yang tertakluk kepada sekatan menyeluruh, sama ada bersifat sekatan seluruh negara atau sekatan seluruh wilayah, termasuk tetapi tidak terhad kepada Korea Utara, Iran, Syria, Cuba, wilayah Crimea (Ukraine) dan Israel.

"Pemilikan Majoriti" merujuk kepada pemegangan secara benefisial atau sah lebih daripada 50% modal saham terbitan (atau setara dengannya) atau hak mengundi seseorang (tidak termasuk pegangan saham (atau setara) yang tidak mempunyai hak untuk turut serta dalam agihan keuntungan atau modal selain daripada jumlah yang telah ditetapkan).

“Individu Terhad" pada bila-bila masa, bermaksud:

(a) mana-mana individu yang disenaraikan dalam mana-mana senarai Sekatan yang dikekalkan oleh Pihak Berkuasa Sekatan;

(b) mana-mana individu yang beroperasi, berorganisasi, bermastautin, diperbadankan, didaftarkan atau beralamat sah di Negara yang Tersekat; atau

mana-mana individu yang terkawal atau dimiliki secara majoriti oleh pihak yang disebut dalam (a) atau (b) di atas.

“Sekatan" merujuk kepada sekatan perdagangan, ekonomi atau kewangan, embargo, langkah-langkah sekatan atau undang-undang/peraturan berkaitan yang digubal, dikenakan, ditadbir atau dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh:

(a) Kerajaan Amerika Syarikat, termasuk yang ditadbir oleh Office of Foreign Assets Control (OFAC) Jabatan Perbendaharaan AS atau Jabatan Negara AS;

(b) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;

(c) Kesatuan Eropah dan mana-mana negara anggota EU;

(d) United Kingdom;

(e) Bank Negara Malaysia; atau

(f) Mana-mana pihak berkuasa kerajaan lain yang berkenaan (termasuk pihak berkuasa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas (i) Pelanggan dan/atau Bank (sama ada berdasarkan bidang kuasa penubuhannya atau lokasi perniagaan/operasi, atau mana-mana aktiviti operasinya) atau (ii) transaksi di bawah Terma dan Syarat ini),

(setiap pihak yang disebut di atas dirujuk sebagai “Pihak Berkuasa Sekatan").

"Syarikat Berkaitan" bermaksud suatu korporasi yang mempunyai hubungan dengan Pelanggan termasuk “syarikat induk muktamad” sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 5 dan Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

"Terkawal" bermaksud apabila seseorang (secara langsung atau tidak langsung, sama ada melalui pegangan saham, kuasa mengundi, kontrak atau apa jua cara lain) mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memberhentikan majoriti anggota badan pentadbiran seseorang yang lain, atau mempunyai kuasa untuk mengawal hal ehwal dan dasar pihak tersebut. Pihak yang berada di bawah kawalan sedemikian dianggap sebagai “terkawal” oleh pihak yang pertama.

"Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram" merujuk kepada undang-undang dan peraturan berkaitan rekod kewangan, keperluan pelaporan, serta statut pengubahan wang haram di Malaysia dan di setiap bidang kuasa di mana Pelanggan dan Syarikat Berkaitannya menjalankan perniagaan atau operasi. Termasuk peraturan, garis panduan, atau prosiding berkaitan yang dikeluarkan, ditadbir, atau dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa kawal selia atau mahkamah.

“Undang-undang Pencegahan Rasuah" merujuk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Rasuah 2010 (United Kingdom), Akta Amalan Rasuah Asing 1977, dan mana-mana undang-undang, peraturan atau kaedah-kaedah lain yang serupa, yang digubal, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, atau mana-mana bidang kuasa lain.

18A.2 Representasi Sekatan dan Jaminan oleh Pelanggan

Pelanggan dengan ini membuat pernyataan serta memberikan jaminan kepada Bank seperti berikut:

(a) Pelanggan dan mana-mana Syarikat Berkaitannya bukan merupakan Pihak Terhad;

(b) Perkhidmatan tidak akan digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk apa-apa tujuan yang melanggar mana-mana Sekatan, atau yang membiayai, memudahkan atau menyalurkan dana untuk apa-apa aktiviti, perniagaan atau transaksi dengan mana-mana Pihak Terhad atau Negara yang Tersekat, atau digunakan untuk membiayai pembelian atau pemindahan apa-apa barangan atau peralatan ketenteraan;

(c) Pelanggan telah melaksanakan dan mengekalkan dasar serta prosedur dalaman yang akan memastikan pematuhan terhadap segala pernyataan, jaminan dan aku janji yang dinyatakan dalam Klausa 18A ini;

(d) Pelanggan dan Syarikat Berkaitannya tidak melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan yang berhubungan dengan Sekatan.

18A.3 Aku Janji Berkaitan Sekatan oleh Pelanggan

Pelanggan dengan ini berikrar serta memberi aku janji kepada Bank seperti berikut:

(a) Pelanggan tidak akan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melaksanakan apa-apa transaksi dengan dana atau aset yang:

(i) merupakan harta atau dimiliki secara benefisial oleh mana-mana Pihak Terhad; atau

(ii) adalah hasil langsung yang diperoleh daripada apa-apa transaksi yang melanggar Sekatan yang terpakai ke atas mana-mana pihak di bawah Terma dan Syarat ini.

(b) Pelanggan akan segera menyerahkan kepada Bank dan membenarkan Bank untuk mendapatkan atau memperoleh butiran berhubung dengan sebarang tuntutan, tindakan, saman, prosiding atau siasatan yang dikenakan terhadapnya atau terhadap mana-mana Syarikat Berkaitannya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, kehakiman atau kawal selia berhubung dengan Sekatan, setakat mana butiran tersebut tersedia kepadanya.

(c) Pelanggan tidak akan (dan akan memastikan bahawa setiap Syarikat Berkaitannya juga tidak akan) melanggar mana-mana Sekatan serta tidak akan melaksanakan atau terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam apa-apa transaksi, kelakuan, perdagangan, perniagaan atau aktiviti lain yang boleh mengakibatkan pelanggaran mana-mana Sekatan.

(d) Pelanggan tidak akan (dan akan memastikan bahawa tiada Syarikat Berkaitannya akan), secara langsung atau tidak langsung, menggunakan, membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak lain untuk menggunakan, secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian daripada Perkhidmatan, Perisian atau Peralatan:

(i) bagi apa-apa tujuan yang (secara langsung atau tidak langsung) melanggar mana-mana Sekatan, atau yang membiayai, memudahkan atau menyalurkan dana bagi apa-apa aktiviti, perniagaan atau transaksi dengan mana-mana Pihak Terhad atau Negara yang Tersekat, atau yang akan melanggar mana-mana Undang-undang Pencegahan Rasuah, Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau undang-undang pembiayaan keganasan; atau

(ii) dalam apa-apa cara lain yang boleh mengakibatkan Pelanggan atau Bank melanggar mana-mana Sekatan (sekiranya dan setakat mana ia terpakai ke atas mana-mana pihak tersebut) atau menjadi tertakluk kepada mana-mana Sekatan.

(e) Pelanggan hendaklah (dan hendaklah memastikan bahawa setiap Syarikat Berkaitannya akan) menjalankan perniagaannya serta mengekalkan dasar dan prosedur dalaman yang akan memastikan pematuhan terhadap Undang-undang Pencegahan Rasuah dan Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

18. Penggunaan Antarabangsa

18.1 Pelanggan hendaklah pada setiap masa mematuhi semua Notis Dasar Pertukaran Asing (Notis mengenai Dasar Pertukaran Asing Malaysia yang dikeluarkan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan semua peraturan lain yang dibuat di bawahnya) di Malaysia dan/atau peraturan kawalan pertukaran yang berkuat kuasa di mana-mana negara lain di mana Transaksi dilaksanakan atau diminta melalui suatu Arahan. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran terhadap peraturan tersebut, termasuk apa-apa pindaan, lanjutan, penggubalan semula atau penggabungan kepadanya.

18.2 Jumlah maksimum sesuatu transaksi serta tujuan transaksi tersebut boleh ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang serta peraturan negara di mana transaksi itu dilaksanakan atau diminta.

18.3 Pelanggan dengan ini mengakui bahawa ia telah membaca garis panduan dan maklumat Notis Dasar Pertukaran Asing yang disiarkan di laman web OCBC https://www.ocbc.com.my/personal-banking/help-and-support/foreign-exchange-notices-ocbc-and-ocbc-al-amin/general dan bersetuju bahawa Pelanggan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atas inisiatif sendiri dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi semua undang-undang yang terpakai.

19. Variasi Terma dan Syarat

19.1 OCBC boleh, mengikut budi bicara mutlaknya dan pada bila-bila masa, menambah, mengubah, meminda, mengubahsuai, atau menukar keseluruhan atau mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini dengan memberi notis sekurang-kurangnya 21 hari lebih awal kepada Pelanggan. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa mulai tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam notis tersebut atau, jika tiada tarikh dinyatakan, selepas tamat tempoh 21 hari daripada tarikh notis berkenaan, dan tertakluk kepada Klausa 19.4, perubahan tersebut akan mengikat Pelanggan.

19.2 Notis yang disebut dalam Klausa 19.1 di atas adalah dianggap telah disampaikan dengan secukupnya kepada Pelanggan melalui salah satu cara berikut: (i) disiarkan di laman web OCBC; atau (ii) dipaparkan di mesin ATM atau terminal elektronik lain; atau (iii) dipaparkan di pejabat dan cawangan OCBC; atau (iv) melalui iklan di sebuah akhbar kebangsaan di Malaysia; atau (v) dimasukkan dalam penyata akaun Pelanggan; atau (vi) melalui apa-apa kaedah lain yang dianggap sesuai oleh OCBC.

19.3 Walau apa pun yang diperuntukkan dalam Klausa 19.1 dan 19.2 di atas, jika sebarang pindaan, pengubahsuaian atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini hanyalah berkaitan dengan pembetulan kesalahan ejaan atau tatabahasa, atau pada pandangan mutlak OCBC, diperlukan dengan segera bagi tujuan memulihkan atau mengekalkan sekuriti Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian, sistem komputer OCBC, akaun Pelanggan atau mana-mana transaksi, maka notis boleh diberikan kepada Pelanggan pada atau selepas pindaan, pengubahsuaian atau perubahan tersebut ke atas Terma dan Syarat berkenaan dilaksanakan.

19.4 Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan sebarang tambahan, pindaan atau pengubahsuaian kepada Terma dan Syarat ini, Pelanggan hendaklah menghentikan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC. Pelanggan bersetuju untuk menyemak Terma dan Syarat ini secara berkala dan, tertakluk kepada notis yang telah diberikan kepada Pelanggan menurut peruntukan di sini, akses berterusan dan/atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC selepas sebarang tambahan, pindaan atau pengubahsuaian berkuat kuasa akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat oleh Pelanggan terhadap tambahan, pindaan atau pengubahsuaian tersebut. Sekiranya permohonan bagi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC adalah berhubung dengan akaun bersama, maka setiap pemegang akaun adalah terikat secara bersama dan berasingan oleh sebarang tambahan, pindaan atau pengubahsuaian tersebut.

20. Penggantungan atau Penamatan Perkhidmatan

20.1 OCBC boleh pada bila-bila masa, dengan memberikan notis, menggantung, mengehadkan atau menamatkan operasi, sama ada keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, tanpa menanggung sebarang liabiliti atau tanggungjawab atas kerugian atau kerosakan

yang dialami oleh atau yang disebabkan kepada Pelanggan atau yang timbul daripada, berkaitan dengan, atau disebabkan oleh penggantungan, sekatan atau penamatan tersebut.

20.2 OCBC akan menggantung atau menamatkan secara automatik hak akses Pelanggan kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC sekiranya Pelanggan tidak lagi mengekalkan apa-apa akaun dengan OCBC yang boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC atau sekiranya akses Pelanggan kepada akaun tersebut disekat oleh OCBC atau mana-mana pihak lain atas apa-apa sebab atau jika berlaku pelanggaran Klausa 18A.2 atau Klausa 18A.3.

20.3 Pelanggan boleh menamatkan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada OCBC. Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC akan dibatalkan dalam tempoh 3 Hari Perniagaan dari tarikh notis penamatan berkenaan diterima oleh OCBC, dan Pelanggan hendaklah berhenti menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC selepas memberikan notis penamatan tersebut. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab memastikan tiada sebarang Arahan yang belum diselesaikan, dijadualkan untuk dilaksanakan, dilakukan atau diproses pada tarikh selepas notis penamatan diberikan. Walau apa pun yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, OCBC tidak akan bertanggungjawab, dan Pelanggan hendaklah menanggung rugi OCBC sepenuhnya terhadap semua kerugian, kerosakan, tuntutan, liabiliti, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada: (a) penggunaan berterusan oleh Pelanggan terhadap Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC selepas memberikan notis penamatan; dan (b) Arahan berhubung dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan, dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC selepas penerimaan notis penamatan bertulis daripada Pelanggan.

20.4 Pelanggan juga mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya akses Pelanggan kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC ditamatkan atas apa-apa sebab, OCBC tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan untuk melaksanakan, menjalankan sepenuhnya, atau memproses mana-mana Arahan yang diterima sebelum penamatan tersebut tetapi masih belum dilaksanakan, diselesaikan atau diproses pada masa penamatan oleh OCBC, atau pada masa penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan.

20.5 Pelanggan mengakui bahawa penamatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau obligasi Pelanggan berhubung dengan Arahan yang telah dilaksanakan, dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC bagi pihak Pelanggan.

21. Penyerahan kepada Bidang Kuasa

21.1 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia, dan Mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa tidak eksklusif berhubung apa-apa tindakan undang-undang atau prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini (“Prosiding”).

22. Notis

22.1 Notis daripada OCBC. Pelanggan bersetuju bahawa semua notis dan komunikasi lain yang dikeluarkan berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC boleh disampaikan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini dan sekiranya tiada kaedah khusus dinyatakan, ia boleh diberikan oleh OCBC melalui mana-mana cara berikut:
(a) dengan memaparkan notis di laman web OCBC;
(b) dengan memaparkan notis di ATM atau terminal elektronik lain;

(c) dengan memaparkan di pejabat atau cawangan OCBC;
(d) melalui iklan sekali dalam mana-mana akhbar nasional di Malaysia;
(e) melalui apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh OCBC,
dan notis serta komunikasi tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalamnya.

22.2 Notis segera daripada Pelanggan kepada OCBC untuk melaporkan kehilangan atau kompromi ID Log Masuk, Kata Laluan, Kod Sekuriti atau Token Sekuriti/Telefon Mudah Alih, atau untuk melaporkan apa-apa kesilapan atau percanggahan dalam mana-mana penyata atau rekod boleh dibuat melalui:
(a) panggilan telefon ke Pusat Khidmat Pelanggan OCBC di nombor telefon yang akan dipaparkan di laman web OCBC dari semasa ke semasa; atau
(b) notis bertulis yang dihantar atau hadir sendiri untuk membuat laporan di mana-mana cawangan OCBC; atau
(c) apa-apa cara lain yang akan dimaklumkan oleh OCBC dari semasa ke semasa.

22.3 Semua notis lain oleh Pelanggan kepada OCBC berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan Terma dan Syarat ini hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh Pelanggan dan dihantar ke alamat berikut, atau melalui cara lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa:

Digital Business
Menara OCBC (Aras Kedua)
No. 18 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

23. Pelepasan Hak

23.1 Pelanggan bersetuju bahawa kegagalan OCBC, sama ada secara berterusan atau sebaliknya, untuk melaksanakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan, remedi atau peruntukan di bawah Terma dan Syarat ini, atau sebarang kegagalan atau kelewatan OCBC untuk menuntut pematuhan terhadap mana-mana klausa di sini, tidak akan dianggap sebagai pelepasan oleh OCBC terhadap sebarang hak, kuasa, keistimewaan, remedi atau peruntukan di bawah Terma dan Syarat ini.

24. Kebolehasingan

24.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dikuatkuasakan menurut mana-mana undang-undang, maka kesahan, kesahihan undang-undang dan kebolehan dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau tergugat dalam apa cara sekalipun.

25. Pertikaian dan Pertanyaan

25.1 Notis mengenai apa-apa pertikaian dan pertanyaan akan disampaikan mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausa 22 di atas.

25.2 Pelanggan yang ingin mengemukakan apa-apa pertikaian dikehendaki memberikan butiran tertentu yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama Pelanggan, akaun yang terlibat, tarikh transaksi yang dipertikaikan, amaun transaksi yang dipertikaikan dan sebab mengapa Pelanggan percaya bahawa transaksi

tersebut adalah transaksi yang dipertikaikan. Sekiranya pertikaian berkaitan dengan atau melibatkan sebarang penipuan atau jenayah atau didakwa/disyaki sebagai penipuan atau jenayah, Pelanggan dikehendaki mengemukakan laporan polis kepada OCBC.

25.3 Semua pertikaian akan disiasat oleh OCBC dan jika didapati palsu, ia akan ditolak. Sekiranya pembayaran telah dibuat berhubung dengan pertikaian tersebut, bayaran itu hendaklah dipulangkan kepada OCBC, dan semua perbelanjaan yang ditanggung dalam siasatan serta pemulangan bayaran tersebut hendaklah ditanggung oleh pihak yang membuat pertikaian palsu. Di samping itu, laporan polis akan dibuat terhadap semua pertikaian palsu.